

## **TAJUK**

Program Sekolah Integrasi

## **DIKEMUKAKAN OLEH**

Bahagian Sekolah-Sekolah

## **SINOPSIS**

Terdapat sekolah-sekolah (SK/SRK,SRJK(C) and SRJK(T)) yang berada dalam satu kawasan dan ada pula yang berhampiran antara satu sama lain. Kedudukan sekolah-sekolah seperti ini amatlah sesuai, jika program-program bersama dapat diadakan, supaya murid-murid dan guru-guru dari ketiga-tiga buah sekolah tersebut berpeluang bercampur gaul antara satu sama lain. Usaha seperti ini antara lain, dapat meningkatkan lagi kerjasama, persefahaman dan perpaduan di kalangan murid.

Lantaran itu, adalah di cadangkan sekolah-sekolah berkenaan ini mengadakan program bersama, khususnya dalam gerakerja ko-kurikulum. Sebanyak 18 sampel dipilih iaitu 9 bagi Model 1 dan 9 lagi model II, sebagai percubaan.

## **KELULUSAN YANG DIPOHON**

Persetujuan.

## **1 TAJUK**

Program Sekolah Integrasi

## **2 DIKEMUKAKAN OLEH**

Bahagian Sekolah-Sekolah

## **3 TUJUAN**

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk mengemukakan satu cadangan pelaksanaan program sekolah integrasi yang terdiri daripada SK/SRK, SRJK(C) dan SRJK(T).

Program ini akan dilaksanakan sebagai percubaan bertujuan untuk meningkatkan lagi integrasi murid-murid dari pelbagai kaum melalui kegiatan pendidikan.

## **4 LATARBELAKANG**

4.1 Terdapat dalam satu kawasan tertentu tiga buah aliran sekolah yang berlainan yang berhampiran antara satu sama lain. Sekolah-sekolah ini masing-masing menjalankan kegiatan, persekolahan secara bersendirian. Namun demikian, ada juga sekolah-sekolah tertentu yang mengadakan program bersama bagi menjalankan sesuatu gerakerja atas inisiatif sekolah-sekolah berkenaan.

4.2 Peluang untuk bergaul di antara murid di sekolah-sekolah rendah yang berhampiran ini kurang diperolehi, kecuali apabila mereka berada di sekolah menengah. Keadaan ini menimbulkan kesan yang kurang baik dalam usaha menyemai semangat perpaduan di kalangan murid dan keadaan ini boleh menimbulkan bibit pelarisan dalam system pendidikan kita.

4.3 Di samping itu, kemudahan dan kelenkapan sekolah-sekolah berkenaan adalah berbeza, bergantung kepada kemampuan sesebuah sekolah itu. Terdapat di mana sesebuah sekolah itu lebih lengkap daripada sebuah sekolah yang lain. Hal ini membawa kepada pengenalan status baik atau tidak baik sekolah-sekolah yang berhampiran itu.

4.4 Sehubungan dengan ini, Menteri Pelajaran Malaysia, dalam Persidangan Pegawai-Pegawai Pelajaran Daerah yang diadakan di Johor Bharu pada 6hb-8hb. Disember, 1984, telah menyarankan supaya sekolah-sekolah berlainan aliran yang terletak berhampiran, sama kawasan dan sama masyarakat, haruslah mengadakan kegiatan-kegiatan secara berkumpulan supaya pergaulan di antara murid berbilang kaum dapat dipertingkatkan lagi untuk tujuan integrasi.

## **5 ASAS PERTIMBANGAN**

5.1 Salah satu matlamat pendidikan negara ialah perpaduan. Sekolah sebagai salah satu agen bagi menyatupadukan murid-murid, boleh memainkan peranan yang lebih berkesan, jika program kegiatan pendidikan dijalankan bersama antara tiga aliran sekolah iaitu SK/SRK, SRJK(C) dan SRJK(T).

Jika peluang untuk bergaul dan bermesra di kalangan murid bagi sekolah-sekolah yang

berhampiran ini tidak disediakan, keadaan yang wujud akan terus berkekalan. Jika peluang untuk bergaul dapat disediakan dengan baik dan dilaksanakan secara sedar, proses integrasi murid-murid pelbagai kaum dari ketiga-tiga buah sekolah itu dapat dipercepatkan antara 1 hingga 6 tahun, iaitu sebelum mereka masuk ke sekolah menengah.

- 5.2 Program ini juga akan dapat memberi peluang kepada sekolah-sekolah berkenaan itu berkongsi mengguna dan mengadakan kemudahan dan peralatan. Dengan cara demikian, murid-murid dari sekolah/sekolah-sekolah berkenaan akan dapat menikmati kemudahan yang tidak terdapat di sekolahnya sendiri di samping menikmati kemudahan bersama.

Perkongsian ini juga dapat menjimatkan perbelanjaan mengadakan kemudahan atau peralatan tersebut.

- 5.3 Program yang dicadangkan ini adalah program ko-kurikulum dan oleh itu, ia tidak menggugat kedudukan sekolah-sekolah rendah berkenaan. Di sebaliknya, program ini akan dapat mempertingkatkan lagi kerjasama antara ketiga-tiga buah sekolah, dalam usaha-usaha yang boleh mendatangkan faedah bersama.

## **6 KONSEP**

Program sekolah-sekolah berjiran ini menekankan penglibatan dan kerjasama sekolah-sekolah berkenaan, dalam:

- 6.1 penggabungan kegiatan-kegiatan ko-kurikulum (yang mana sesuai);
- 6.2 penggunaan bersama kemudahan dan peralatan sekolah;
- 6.3 perkongsian dan penggembelangan tenaga, pengalaman dan kepakaran yang ada.

## **7 OBJEKTIF PROGRAM**

Objektif program ini adalah:

- 7.1 Peningkatan penyertaan murid-murid dan guru-guru dari ketiga-tiga buah sekolah dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum secara bersama;
- 7.2 Peningkatan pergaulan, kesefahaman, bekerjasama, tolong menolong dan toleransi di antara sekolah-sekolah berkenaan secara sedar dan terancang;
- 7.3 Penggunaan kemudahan dan peralatan ketiga-tiga sekolah secara bersama dengan maksima.

## **8 PELAKSANAAN PROGRAM PERCUBAAN**

- 8.1 Badan Petugas

Untuk melaksana program percubaan ini adalah dicadangkan sebuah Badan Petugas ditubuhkan di peringkat sekolah.

Badan Petugas ini terdiri daripada:

|  |           |
|--|-----------|
| Guru Besar ketiga-tiga buah sekolah                | - 3 orang |
| Guru Penolong Kanan                                | - 3 orang |
| 2 orang guru dilantik dari tiap-tiap buah sekolah. | - 6 orang |

Pengerusi Badan Petugas ini adalah Guru Besar yang dilantik oleh mereka. Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sepinggal sekali.

Badan Petugas ini bertanggungjawab bagi;

- merancang, menyelaras dan melaksanakan program kegiatan pendidikan yang dipersetujui;
- mengesan dan menilai program-program yang dijalankan;
- mengemukakan permohonan bantuan kepada JBPS, JASSIM, PIBG dan badan-badan lain.

## 8.2 Bidang Program

Bidang program percubaan ini meliputi kegiatan-kegiatan ko-kurikulum dan penggunaan kemudahan dan peralatan sekolah-sekolah berkenaan. Ia dilaksanakan mengikut 2 model seperti berikut:

### 8.2.1 Model 1

Model 1 terdiri daripada ketiga-tiga buah sekolah yang berada dalam satu kawasan ( complex school ). Kegiatan-kegiatan yang disepadukan adalah seperti berikut:

| <b>Kegiatan</b>   | <b>Objektif</b>  |
|---|--|
| i. Kejujutan Olahraga Sekolah   | Berinteraksi, penglibatan dan penyertaan bersama, semangat kekitaan, perkongsian kemudahan, peralatan dan penggembelangan tenaga, pengjimatian perbelanjaan. |
| ii. Sambutan Hari Guru  | -seperti di atas-  |
| iii. Sambutan Hari Kebangsaan dan Kebesaran   | -seperti di atas-  |
| iv. Bergotong-royong<br>- Membersihkan kawasan sekolah;<br>- Mengindahkan kawasan sekolah;<br>- Mengecat bangunan;<br>- Aktiviti gotong-royong di luar kawasan sekolah; | Berinteraksi bekerjasama/ bermuafakat semangat muhibah, semangat berkhidmat bertanggungjawab dan kepunyaan bersama, penjimatian perbelanjaan.                |

|  |   |
|--|---|
| - Projek-projek tertentu seperti membina rumah pengakap, membuat kolam ikan atau taman botani.   |   |
| v. <u>Penggunaan Padang/ Dewan/bilik darjah</u> untuk latihan sukan persatuan dan pasukan pakaian seragam. Ketiga-tiga buah sekolah mengadakan latihan secara berasingan atau bersama di mana sesuai.  | Penjimatan dan perbelanjaan semangat muhibah dan bertanggungjawab perkongsian kemudahan.  |
| vi. <u>pembantukan satu pasukan</u> kumpulan bersama mewakili ketiga-tiga buah sekolah: seperti pasukan bola sepak, bola jaring, koir, pancaragam genderang dan lain-lain di mana yang sesuai. Mengintegrasikan gerakerja-gerakerja ko-kurikulum di bawah satu pentadbiran yang sama jika dipersetujui bersama, seperti penubuhan rumah sukan, Persatuan/Kelab, Pasukan Pakaian Seragam yang mengandungi murid-murid dari ketiga-tiga sekolah tersebut. Menjalankan latihan pembentukan pasukan-pasukan yang melibatkan tanggungjawab bersama ketiga-tiga sekolah. | Berinteraksi, berintegrasi berkesefahaman, bertanggungjawab, toleransi, matlamat bersama, semangat bersama dan bekerjasama penggunaan bersama kemudahan dan alatan. perkongsian tenaga dan kepakaran. |
| vii. Mengadakan <u>projek bersama</u> , seperti:<br>(a) Kemudahan dan peralatan<br>(b) Kutipan derma<br>(c) dan lain-lain  | -seperti di atas-   |
| viii. <u>Kegiatan-kegiatan sukan dan iktisas bagi guru-guru</u> seperti perbincangan dan perbengkelan.   | Berinteraksi, bekerjasama.  |
| ix. Lain-lain projek atau kegiatan yang dipersetujui bersama, bertujuan bagi mencapai matlamat integrasi seperti Hari Penyampaian Hadiah dan lain-lain.  | Semangat perpaduan bekerjasama dan lain-lain.   |

### 8.2.2 Model II

Model ini terdiri daripada ketiga-tiga buah sekolah yang berhampiran (bukan dalam satu kawasan) yang membolehkan program ini dijalankan.

| Kegiatan                      | Objektif  |
|-------------------------------|---|
| i. Kejohanan Olahraga Tahunan | Berinteraksi, penglibatan dan penyertaan bersama, perkongsian kemudahan dan peralatan dan |

|  |   |
|--|---|
|  | penggembilangan tenaga, penjimatan perbelajaan.   |
| ii. Sambutan Hari guru   | -seperti di atas-   |
| iii. Sambutan Hari Kebangsaan dan Kebesaran.   | -seperti di atas-   |
| iv. Penggunaan padang/ dewan untuk latihan, sukan, persatuan atau pasukan pakaian seragam. Kegiatan ini dijalankan secara berasingan. (Jika sesuai dan memungkinkan, latihan ini boleh diadakan secara bersama.) | Penjimatan perbelanjaan, semangat muhibah, bertanggungjawab, berinteraksi perkongsian kemudahan.        |
| v. Pembentukan satu pasukan/kumpulan bersama, mewakili ketiga-tiga buah sekolah, seperti pasukan bola sepak, bola jaring, koir, pancaragam.  | Berinteraksi, integrasi, toleransi, semangat bersama dan bekerjasama, perkongsian kemudahan dan tenaga. |
| vi. Kegiatan Pertandingan antara ketiga-tiga buah sekolah bagi murid-murid dan guru-guru.  | Semangat perpaduan berinteraksi.  |
| vii. Lain-lain projek atau kegiatan yang dipersetujui bersama dan memungkinkan, bertujuan bagi mencapai matlamat integrasi.  | Semangat perpaduan berinteraksi.  |

### 8.3 Tarikh

Program percubaan ini dicadangkan bermula pada tahun 1986.

### 8.4 Sekolah Sampel

| Negeri        | Model I | Model II |
|---------------|---------|----------|
| Johor         | I       | I        |
| Melaka        | I       | I        |
| N.Sembilan    | I       | I        |
| Selangor      | I       | I        |
| W.Persekutuan | I       | I        |
| Perak         | I       | I        |
| Pulau Pinang  | I       | I        |
| Kedah         | I       | I        |
| Pahang        | I       | I        |
|               | 9       | 9        |

### 8.5 Kriteria

8.5.1 Tiap-tiap satu sample sekolah percubaan program ini terdiri daripada sebuah sekolah dari aliran SK/SRK, sebuah dari SRJK(C) dan sebuah dari SRJK(T).

8.5.2 Model satu adalah terdiri daripada ketiga-tiga buah sekolah yang berada dalam satu kawasan yang sama.

Model II terdiri daripada sekolah-sekolah yang berhampiran antara satu sama lain dalam satu kawasan (yang membolehkan program ini dilaksanakan.)

## **8.6 Strategi**

Pelaksanaan program percubaan ini memerlukan strategi berikut:

### 8.6.1 Peringkat Penyebaran

- i. Penyampaian konsep/maklumat mengenai program ini kepada masyarakat umum.
- ii. Penyampaian dan penerimaan konsep/maklumat program ini kepada/oleh Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Sekolah-Sekolah, PIBG, Jemaah Pengurus Sekolah, Ibu Bapa dan masyarakat setempat sekolah-sekolah berkenaan.
- iii. Perbengkelan untuk guru-guru besar sekolah-sekolah yang terlibat.

### 8.6.2 Peringkat Sekolah

Dalam melaksanakan program percubaan ini, Guru Besar sebagai pengurus dan pemimpin di peringkat sekolah adalah dikehendaki:

- i. merancang dan melaksanakan;
- ii. mengurus, menyelia dan menilai;
- iii. memberi bimbingan dan galakan kepada guru-guru dan murid-murid;
- iv. menunjukkan contoh dan teladan;
- v. memudahcara pelaksanaan;
- vi. membuat perhubungan bagi mendapatkan kerjasama dan bantuan daripada PIBG, Jemaah Pengurus Sekolah, JPBS, JASSIM dan ahli-ahli masyarakat setempat.

## **8.7 Penilaian**

8.7.1 Pelaksanaan program percubaan ini perlu dinilai dari semasa ke semasa untuk mengetahui pencapaian matlamat- matlamat program ini.

8.7.2 Aspek-aspek yang hendak dinilai adalah seperti:

- i. **Kemudahan**  
Penggunaan bersama kemudahan dan peralatan sekolah (dari segi kekerapan penggunaan secara bersama),bilangan kemudahan dan peralatan yang disediakan

bersama.

ii. **Kegiatan – Kegiatan**

Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh guru dan murid (seperti yang dinyatakan dalam para 8.2.1 dan 8.2.2).

iii. **Kelakuan atau pola-pola interaksi yang boleh dilihat seperti:**

-komposisi murid mengikut kaum dalam sesuatu kegiatan.

-perlakuan-perlakuan yang dapat dilihat.

iv. **Penglibatan Badan Petugas**

- kekerapan mesyuarat diadakan.

- bilangan ahli yang mengambil bahagian dalam kegiatan yang dijalankan.

- jenis-jenis dan kekerapan sesuatu aktiviti yang melibatkan mereka bersama.

v. **Lawatan**

- Lawatan yang dibuat oleh PPD dan JPN.

- Bentuk dan jenis bimbingan dan bantuan yang diberi.

vi. **Pandangan PIGB Dan Ahli Masyarakat**

**8.7.3 Kaedah Penilaian**

Aspek-aspek yang dinilai ini memerlukan 3 kaedah penilaian, iaitu:

- i. kaedah pemerhatian
- ii. mengutip dan menganalisa data
- iii. dari pandangan orang lain

**8.7.4 Penilai**

Badan Petugas dan guru-guru, PPD, JPN, Jemaah Nazir dan pihak Urusetia (Bahagian Sekolah-sekolah).

**9. KEPUTUSAN**

Dikemukakan kertas cadangan ini untuk persetujuan dan kelulusan.

Bahagian Sekolah-Sekolah,  
Kementerian Pelajaran Malaysia,  
Kuala Lumpur.